

**NOTA PERCAKAPAN**  
**SIDANG MEDIA KHAS**  
**YB MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**  
**ISNIN, 2 SEPTEMBER 2023**  
**HYATT HOTEL, KUALA LUMPUR**

1. Assalamualaikum dan Salam Sejahtera. Terima kasih kepada semua rakan media yang hadir pada petang ini.
  
2. Bersama-sama saya petang ini ialah:
  - YB Timbalan Menteri Pertanian & Keterjaminan Makanan, **Tuan Chan Fong Hin,**
  
  - Timbalan Ketua Setiausaha KPKM, **Datuk Badrul Hisham Mohd**
  
  - Setiausaha Bahagian Pembangunan Industri Padi KPKM merangkap Ketua Pengarah Kawal Selia Padi & Beras, **Datuk Azman Mahmod,**
  
  - Timbalan Ketua Pengarah Penguat Kuasa (Operasi), Bahagian Penguat Kuasa KPDN, **YBrs. Tuan Shamsul Nizam bin Khalil**
  
  - Ketua Penolong Pengarah E5 Bukit Aman, **YBrs. SAC Datin Seri Dato Zalena,**

3. Kerajaan Perpaduan di bawah kepimpinan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim amat peka serta prihatin terhadap keluh kesah rakyat ekoran kenaikan harga beras putih import (BPI) ekoran kenaikan harga beras global.
4. Fenomena kenaikan harga beras ini bukan hanya berlaku di Malaysia malah turut melibatkan negara serantau.
5. Sehingga kini sebanyak 19 negara telah membataskan eksport ke negara luar untuk memberi keutamaan kepada rakyat sendiri. Sebagai contoh negara India telah mengenakan sekatan eksport beras mulai Julai 2023 dan telah memberi kesan kepada kenaikan harga beras putih global.
6. Pelbagai langkah intervensi telah dilaksanakan oleh Kementerian sebelum ini yang bukan sahaja melibatkan elemen penguatkuasaan tetapi juga menganjurkan beberapa sesi libat urus untuk mendapatkan input daripada semua pihak berkepentingan dalam industri padi dan beras.
7. Pada 20 September 2023 saya telah lancarkan Program Khas Beras Putih Tempatan setakat semalam lebih 600,000 karpit BPT 10kg telah diedarkan di seluruh Semenanjung melalui beberapa pasaraya, FAMA dan LPP.
8. Manakala hari ini, hasil pertemuan saya bersama YAB Perdana Menteri pada pagi tadi, YAB Perdana Menteri telah bersetuju untuk melaksanakan 4 langkah intervensi tambahan seperti berikut iaitu:

**Pertama,** FAMA telah diarahkan untuk meningkatkan pengedaran BPT ke kawasan luar bandar termasuk ke kedai-kedai runcit. Oleh kerana margin jualan BPT hanya 50 sen bagi kampil 10kg, maka Kerajaan akan menyalurkan kos pengangkutan kepada pihak FAMA.

**Kedua,** Dalam konteks Sabah dan Sarawak, Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan subsidi sebanyak RM950 per metrik tan Beras Putih Import (BPI) mulai 5 Oktober 2023. Melalui kaedah ini, harga runcit BPI di kedua-dua negeri ini akan menjadi RM31 bagi kampil 10kg. Langkah ini diambil memandangkan pengeluaran BPT di Sabah dan Sarawak adalah terhad.

**Ketiga,** Semua perolehan pembekalan beras putih di bawah kontrak Kerajaan akan menggunakan BPI dimana pembekal-pembekal boleh mendapatkan bekalan pada harga borong RM3,200 (harga pintu gudang) dan ianya tertakluk kepada syarat dan peraturan yang telah ditetapkan;

**Keempat,** hari ini juga Kerajaan akan melancarkan **Ops Bersepadu Beras Putih Tempatan** yang melibatkan Badan Kawal Selia Padi & Beras KPKM, Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

9. Ops Bersepadu ini akan diketuai oleh Tuan Chan Foon Hin, Timbalan Menteri Pertanian & Keterjaminan Makanan. Melalui Ops Bersepadu ini, kita akan membuat pemeriksaan menyeluruh ke atas rantai industri termasuk semua kilang-kilang beras dan stor-stor pemborong beras mulai esok. Sampel beras juga akan diambil di semua kilang beras, di gudang-gudang pemborong dan juga di pasaraya untuk dibuat analisis kimia.
10. Saya ingin menegaskan di sini bahawa pihak Kerajaan akan mengambil tindakan yang tegas ke atas mana-mana pihak yang didapati menukar kampak atau mencampurkan BPT dengan BPI atau menyorokkan BPT.
11. Akhir sekali saya ingin mengingatkan orang ramai sekali lagi supaya bertenang dan membeli beras mengikut keperluan dan kemampuan masing-masing.

Sekian, terima kasih.